

PREAMBLES

BIL	HURAIAN
	<p>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN</p> <p>A NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN INI MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARI DOKUMEN KONTRAK DAN PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN KADAR HARGA YANG DINYATAKAN DIDALAMNYA.</p> <p>B KONTRAKTOR DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI SEGALA ISI KANDUNGAN JADUAL KADAR HARGA INI. INI ADALAH BERTUJUAN AGAR KONTRAKTOR DAPAT MENJALANKAN SEMUA KERJA PEMBAIKAN MENGIKUT SPESIFIKASI DAN STANDARD YANG TELAH DITETAPKAN DI DALAM JADUAL KADAR HARGA INI. KONTRAKTOR PADA SETIAP MASA, PERLU MERUJUK KEPADA PEGAWAI PENGUASA ATAU WAKILNYA SEKIRA TERDAPAT PERMASALAHAN DI TAPAK.</p> <p>C BAYARAN AKAN DIBUAT BERDASARKAN ARAHAN KERJA DAN SENARAI KUANTITI YANG TELAH DIBERI DAN KUANTITI SEBENAR DI TAPAK SETELAH KERJA-KERJA SIAP DIJALANKAN. PEMBAYARAN AKAN DIBUAT BERDASARKAN KUANTITI AKHIR YANG AKAN DIUKUR DAN DIPERSETUJUI BERSAMA KONTRAKTOR ATAU WAKILNYA DAN JURUUKUR BAHAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA ATAU WAKILNYA.</p> <p>D LOKASI PEMBAIKAN AKAN DITETAPKAN ATAU DIPERSETUJUI OLEH PEGAWAI PENGUASA ATAU WAKIL PEGAWAI PENGUASA MELALUI SURAT ARAHAN KERJA YANG DIKELUARKAN.</p> <p>E SETIAP KERJA-KERJA YANG DIJALANKAN ADALAH TERMASUK UPAH BURUH BAGI MEMBUKA, MEROBOH, MENANGGAL, MENYEDIAKAN, MEMBEKAL, MEMASANG DAN MEMBINA DI TAPAK MELAINKAN DINYATAKAN SEBALIKNYA DIDALAM DOKUMEN KONTRAK TERSEBUT.</p> <p>F SETIAP KERJA YANG DIJALANKAN, PERLU MEMATUHI ARAHAN, SPESIFIKASI DAN STANDARD MAJLIS. SEKIRANYA TERDAPAT KECACATAN ATAU KEROSAKAN DISEBABKAN OLEH KESILAPAN KONTRAKTOR, PEGAWAI PENGUASA ATAU WAKIL PEGAWAI PENGUASA BERHAK MENOLAK KERJA TERSEBUT SECARA BERTULIS. KERJA PEMBAIKAN SEMULA PERLU DIJALANKAN OLEH KONTRAKTOR TANPA MENDAPAT BAYARAN TAMBAHAN DARI MAJLIS.</p> <p>G KONTRAKTOR PERLU MENGEMUKAKAN SATU SALINAN KAD HIJAU CIDB YANG BELUM TAMAT TEMPOH BAGI DIRINYA DAN SETIAP PEKERJA BERDAFTAR DENGAN SYARIKATNYA YANG AKAN MENJALANKAN TUGAS DILOKASI BAGI KERJA YANG DINYATAKAN DI ATAS. IA PERLU DIKEMUKAKAN BERSEKALI DENGAN DOKUMEN SEBUT HARGA SEBAGAI SALINAN YANG TELAH DIAKUI SAH.</p> <p>H KONTRAKTOR PERLU MENGEMUKAKAN KAD HIJAU CIDB ASAL YANG BELUM TAMAT TEMPOH BAGI DIRINYA DAN SETIAP PEKERJA BERDAFTAR DENGAN SYARIKATNYA YANG AKAN MENJALANKAN TUGAS DILOKASI BAGI KERJA YANG DINYATAKAN DI ATAS. IA PERLU DIBAWA UNTUK PENGESAHAN OLEH PEGAWAI PENGUASA ATAU WAKILNYA PADA MESYUARAT PERTAMA PEMILIKAN TAPAK YANG AKAN DIBERITAHU KELAK.</p>

BIL	HURAIAN
A	SEKIRANYA PADA BILA-BILA MASA, TERDAPAT PEKERJA KONTRAKTOR YANG DIDAPATI TIDAK MEMILIKI KAD HIJAU YANG SAH, PEKERJA TERSEBUT TIDAK AKAN DIBENARKAN MEMASUKI KAWASAN KERJA SEHINGGA DIA MEMILIKINYA. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMATUHI SYARAT INI AKAN MEMBOLEHKAN PIHAK JABATAN MENGELUARKAN 'NOTIS PEMBERHENTIAN KERJA'. 'NOTIS PENYAMBUNGAN KERJA' AKAN DIKELUARKAN APABILA PIHAK KONTRAKTOR TELAH MEMATUHI SYARAT-SYARAT INI.
B	SETIAP PEKERJA KONTRAKTOR ATAU MANA-MANA INDIVIDU ADALAH DIWAJIBKAN MEMAKAI PERALATAN KESELAMATAN SEPERTI TOPI KESELAMATAN, VEST KESELAMATAN DAN BUT KESELAMATAN SELAMA DIA BERADA DI LOKASI ATAU TAPAK KERJA. KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN AKAN MENYEBABKAN KONTRAKTOR DI DENDA SEBANYAK RM 50.00 BAGI SETIAP KESALAHAN OLEH SETIAP PEKERJA ATAU INDIVIDU. DENDA TERSEBUT AKAN DIBUAT MELALUI PEMOTONGAN PADA JUMLAH TUNTUTAN PEMBAYARAN YANG DIKEMUKAKAN KEPADA JABATAN.
C	KONTRAKTOR PERLU MELETAKKAN SEORANG PENYELIA TAPAK SEPENUH MASA BAGI MEMANTAU SEMUA KERJA PEMBAIKAN YANG AKAN DIJALANKAN. PENYELIA TAPAK INI PERLULAH BOLEH DIHUBUNGI PADA SETIAP MASA, BERTANGGUNGJAWAB DAN DIBERI KUASA UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN SEGERA.
D	PIHAK MAJLIS TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB SEKIRANYA TERDAPAT MANA-MANA PEKERJA KONTRAKTOR YANG DITAHAN ATAS APA JUGA ALASAN ATAU KESALAHAN OLEH MANA-MANA PIHAK BERKUASA YANG BERHAK.
E	KUANTITI YANG DINYATAKAN (SEKIRANYA ADA) ADALAH MERUPAKAN KUANTITI SEMENTARA DAN PENGIRAAN KUANTITI SEBENAR ADALAH MERUJUK KEPADA KERJA SEBENAR DI TAPAK BERDASARKAN ARAHAN KERJA YANG DIBERI OLEH PEGAWAI PENGUASA ATAU WAKILNYA.
F	LOKASI PEMBAIKAN AKAN DITETAPKAN ATAU DIPERSETUJUI DAN KONTRAKTOR DIBENARKAN UNTUK MELAKSANAKAN PENYELENGGARAAN DI KAWASAN JKP LAIN DARI SEMASA KE SEMASA MENGIKUT ARAHAN OLEH PEGAWAI MELALUI SURAT ARAHAN KERJA YANG TELAH DIKELUARKAN.

BIL	HURAIAN
	<p>KERJA-KERJA MEMOTONG RUMPUT</p> <p>A Harga yang dinyatakan adalah harga untuk membersihkan kolam takungan .Harga ini tidak termasuk harga penyewaan jentera / loji selain dari jentera pengorek serta tidak termasuk harga membawa keluar bahan korekan dari tapak yang mana, ianya akan dikira secara berasingan</p>
	<p>KERJA-KERJA MERACUN RUMPUT</p> <p>B Pekerja yang menjalankan kerja meracun perlu memakai peralatan keselamatan tambahan sepanjang dia melakukan kerja meracun. Denda akan dikenakan bagi mana-mana individu atau pekerja yang tidak mematuhi kod pemakaian semasa melakukan kerja meracun ini.</p>
	<p>PAPANTANDA (<i>signboards</i>)</p> <p>C Lokasi pemasangan papantanda perlu mendapat persetujuan dari Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa terlebih dahulu.</p>
	<p>LONGKANG KONKRIT</p> <p>D Konkrit untuk longkang yang digunakan hendaklah dari jenis Gred 20 (1 : 2 : 4 - aggregate 20mm). Harga yang dinyatakan adalah termasuk upah buruh bagi menanggal / membuka longkang lama, membekal serta memasang longkang baru, mengemas sejati dan mengikat menggunakan simen mortar 1:3 pada permukaan atau sambungan terdedah. Harga ini adalah tidak termasuk penyewaan jentera / mesin / loji sekiranya keadaan memerlukan, bahan-bahan '<i>back filling</i>' seperti hadkor atau tanah. Bagi perkara tersebut, ianya dikira berasingan.</p>
	<p><u>LONGKANG KONKRIT PRATUANG BERTETULANG BENTUK 'U' SAIZ STANDARD TANPA 'DRY WEATHER FLOW'</u></p>
	<p>E Harga bagi kerja-kerja ini adalah termasuk membekal , penyewaan lori untuk menghantar, penyewaan jentera mengangkat dan menurunkan, memasang di tempatnya dan mengisi ruang sambungan dengan simen mortar 1:3 atau bahan yang disarankan oleh pengeluar. Harga ini adalah tidak termasuk kerja penggalian bagi mengeluarkan / membuka / mengorek longkang sedia ada, penyewaan jentera / mesin / loji sekiranya keadaan memerlukan, bahan-bahan '<i>back filling</i>' seperti hadkor atau tanah. Bagi perkara tersebut, ianya dikira berasingan.</p>
	<p>F Longkang konkrit ini perlu mempunyai sijil ISO yang dikeluarkan oleh SIRIM dan masih sah pada hari ia dihantar ke tapak. Ia juga perlu dicetak dengan tarikh ia dikilangkan oleh pengeluar.</p>
	<p>G <i>Design requirements for 'U' drains should be in accordance with BS 8110:1985</i></p>
	<p>H <i>Reinforced concrete design in accordance with BS 5400 : Part 4</i></p>
	<p>J <i>Concrete characteristic strenght at 28 days, 30MPa - 40Mpa</i></p>

BIL	HURAIAN
	<p>PEMBETUNG KONKRIT PRATUANG (<i>Precast Concrete Culverts</i>)</p>
A	<p>Harga bagi kerja-kerja ini adalah termasuk membekal , penyewaan lori untuk menghantar, penyewaan jentera mengangkat dan menurunkan, memasang di tempatnya dan mengisi ruang sambungan dengan simen mortar 1:3 atau bahan yang disarankan oleh pengeluar. Harga ini adalah tidak termasuk kerja penggalian bagi mengeluarkan / membuka / mengorek longkang sedia ada, penyewaan jentera / mesin / loji sekiranya keadaan memerlukan, bahan-bahan '<i>back filling</i>' seperti hadkor atau tanah. Bagi perkara tersebut, ianya dikira berasingan.</p>
B	<p>Longkang konkrit ini perlu mempunyai sijil ISO yang dikeluarkan oleh SIRIM dan masih sah pada hari ia dihantar ke tapak. Ia juga perlu dicetak dengan tarikh ia dikilangkan oleh pengeluar.</p>
C	<p>Spesifikasi mematuhi MS 881:1991 Part 1 dan Part 3</p>
	<p>PEMBETUNG KONKRIT PRATUANG BERTETULANG BENTUK KEKOTAK (<i>precast concrete box culverts</i>)</p>
D	<p>Harga bagi kerja-kerja ini adalah termasuk membekal pembentung dan penutupnya (LID), penyewaan lori untuk menghantar pembentung, penyewaan jentera mengangkat dan menurunkan pembentung, memasang pembentung di tempatnya dan mengisi ruang sambungan dengan simen mortar 1:3 atau bahan yang disarankan oleh pengeluar pembentung. Harga ini adalah tidak termasuk kerja penggalian bagi mengeluarkan / membuka / mengorek pembentung sedia ada, penyewaan jentera / mesin / loji sekiranya keadaan memerlukan, bahan-bahan '<i>back filling</i>' seperti hadkor atau tanah. Bagi perkara tersebut, ianya dikira berasingan.</p>
E	<p>Pembetung konkrit ini perlu mempunyai sijil ISO yang dikeluarkan oleh SIRIM dan masih sah pada hari ia dihantar ke tapak. Ia juga perlu dicetak dengan tarikh ia dikilangkan oleh pengeluar.</p>
F	<p><i>Design Loading requirements for box culvert should be in accordance with :</i> I) <i>BS 5400 : Part 2 modified by (b)</i> II) <i>JKR LTAL (Long Term Axle Load) and SV (Special Vehicle) requirements.</i></p>
G	<p><i>Reinforced concrete design in accordance with BS 5400 : Part 4</i></p>
H	<p><i>Concrete characteristic strenght at 28 days, fcu = 40Mpa</i></p>
	<p>TEMBOK BATA (<i>brickwall</i>)</p>
J	<p>Bata tanah liat yang digunakan hendaklah direndam terlebih dahulu didalam air satu jam sebelum digunakan, manakala bata pasir tidak boleh direndam, tetapi dicelup didalam air sebelum diikat. Dinding bata yang baru hendaklah dilindungi dari cahaya matahari selama 24 jam menggunakan bahan yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya. Harga ini juga adalah termasuk upah memotong, membuat lubang, lurah dan pembaziran.</p>
K	<p>Harga ini adalah tidak termasuk melepa dinding dengan mortar simen pasir. Bagi perkara tersebut, ianya dikira secara berasingan.</p>

BIL	HURAIAN
	LEPAAN (plaster)
A	Permukaan yang perlu dilepa mestilah bersih dari bahan seperti minyak, gris, habuk serta lain-lain bahan yang boleh membuatkan lepaan rosak.
	TUPANG (strut)
B	Harga tupang ini adalah termasuk bahan yang digunakan seperti, kekotak bentuk, 2 @ 4 batang Y12 sebagai tetulang, konkrit G20 (1:2:4 - 20mm) dan upah buruh membina, membuka kekotak bentuk selepas konkrit mengeras, kerja-kerja ' <i>curing</i> ' dan lain-lain kerja yang berkaitan.
C	Ukuran bagi semua tupang yang dinyatakan adalah ukuran asas sahaja. Sekiranya terdapat ukuran yang berlainan, ukuran terhampir atau gandaan akan digunapakai sebagai rujukan semasa proses tuntutan pembayaran dibuat.
	GABION
D	Kerja-kerja gabion ini adalah termasuk bekal ' <i>wire mesh</i> ' dan batu gunung serta upah menyusun batu gunung didalamnya. Ia tidak termasuk penyediaan tapak dan penggunaan mesin atau jentera berkaitan. Untuk perkara ini, ia dikira secara berasingan.
	LAPISAN GEOTEKSTIL (geotextiles)
E	Kerja-kerja ini adalah termasuk bekal dan pasang geotextiles dilokasi. Ia tidak termasuk penyediaan tapak, penggunaan mesin atau jentera berkaitan dan bahan timbus semula (back filling material). Untuk perkara ini, ia dikira secara berasingan.
	TEMBOK PENAHAN KONKRIT PRATUANG BERTETULANG BENTUK 'L' ('L' shaped precast reinforced concrete retaining wall)
F	Harga bagi kerja-kerja ini adalah termasuk membekal , penyewaan lori untuk menghantar, penyewaan jentera mengangkat dan menurunkan, memasang di tempatnya dan mengisi ruang sambungan dengan simen mortar 1:3 atau bahan yang disarankan oleh pengeluar. Harga ini adalah tidak termasuk kerja penggalian bagi mengeluarkan / membuka / mengorek longkang sedia ada, penyewaan jentera / mesin / loji sekiranya keadaan memerlukan, bahan-bahan ' <i>back filling</i> ' seperti hadkor atau tanah. Bagi perkara tersebut, ianya dikira berasingan.
G	Tembok penahan konkrit pratuang bertetulang ini perlu mempunyai sijil ISO yang dikeluarkan oleh SIRIM dan masih sah pada hari ia dihantar ke tapak. Ia juga perlu dicetak dengan tarikh ia dikilangkan oleh pengeluar.
H	Spesifikasi rekabentuk mematuhi BS 8110
J	<i>Concrete grade shall be 30 - 40 Mpa.</i>

BIL	HURAIAN
	'SUMP'
A	Kerja-kerja membina 'sump' ini adalah termasuk penggalian, membentuk 100mm asas konkrit Gred 15 (1 : 3 : 6 - aggregate 38mm), dinding bata berlepa simen mortar (1 : 3), dinding bahagian dalam dilepa licin dengan 12mm tebal mortar simen dan pasir (1 : 3) serta kerja-kerja yang berkaitan. Penutup 'sump' diukur berasingan
B	Ukuran bagi semua 'sump' yang dinyatakan adalah ukuran asas sahaja. Sekiranya terdapat ukuran yang berlainan, ukuran terhampir atau gandaan akan digunapakai sebagai rujukan semasa proses tuntutan pembayaran dibuat.
C	Ukuran 'sump' yang diberi adalah ukuran dalaman bukaan tembok dengan kedalaman maksimum 'sump' sehingga 600mm.
	CERUCUK (<i>piling</i>)
D	Kerja-kerja ini adalah termasuk harga membekal, menghantar dan upah melantak cerucuk sehingga kedalaman yang dikehendaki, upah buruh dan sewa mesin pelantak.
E	Bagi cerucuk konkrit, ia perlu mematuhi Kod Piawaian BS8004 : 1986 dan BS8110 : 1985
	CERUCUK KEPINGAN BESI (<i>sheet pile</i>)
F	Kerja-kerja membekal ' <i>sheet pile</i> ' dan menempatkan ia di tapak bina adalah termasuk kos pengangkutan dan jentera yang berkaitan.
	PEMBERSIHAN LONGKANG
G	Kerja-kerja utama ialah mencabut semua tumbuhan sehingga akarnya, mendalamkan longkang sehingga ke paras yang dimaklumkan, membersihkan kelodak / lumpur / batu, membersihkan sampah sarap, sisa landskap, sisa buangan, sisa binaan didalam longkang dan mana-mana sampah atau arahan seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya.
H	Kerja yang dinyatakan adalah termasuk upah buruh, peralatan dan lain-lain kerja yang berkaitan. Bagi pembersihan menggunakan jentera, harga yang dinyatakan adalah termasuk sewa jentera tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya jentera tersebut memerlukan pengangkutan untuk dihantar ke tapak kerja, maka, kos penghantaran akan dikira secara berasingan.
J	Membawa keluar dan membuang semua sisa korekan dari tapak ke tempat pembuangan yang sesuai akan dikira secara berasingan. Kontraktor perlu menanggung semua bayaran oleh operator tapak pembuangan, permasalahan, denda atau hukuman oleh mana-mana pihak berkuasa sekiranya tapak pelupusan / pembuangan tersebut adalah tapak haram dan / atau tiada kelulusan.
K	Ukuran yang dinyatakan di ruang 'Huraian Kerja' adalah ukuran asas. Sekiranya ukuran ditapak adalah berlainan, maka, ukuran terhampir, gandaan dan / atau pertambahan dua atau lebih ukuran akan digunapakai.

BIL	HURAIAN
	<p>KERJA KONKRIT</p> <p>A Simen hendaklah dari jenis Simen Portland Biasa (OPC) dan mematuhi keperluan MS 522.</p> <p>B Pasir hendaklah mematuhi keperluan MS 29</p> <p>C Batu baur halus / kasar hendaklah dari pecahan batu mengikut saiz yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa.</p> <p>D Air yang digunakan perlulah bersih dari bahan seperti minyak, kotoran, sampah dan gris.</p> <p>E Harga konkrit ini adalah termasuk membekal, menghampar, memadatkan konkrit, menutup konkrit yang basah dengan guni atau kain untuk melindungi daripada cahaya matahari, angin dan hujan serta kejutan semasa ia sedang mengeras. Harga ini juga termasuk upah memotong atau membuat lubang, menakuk, membuat lurah, pembaziran dan lain-lain kerja yang berkaitan.</p>
	<p>KONKRIT SIAP BANCUH (ready mixed concrete)</p> <p>F Bagi konkrit jenis ini, setiap penghantaran perlulah disertakan salinan asal pesanan penghantaran (<i>delivery order</i>) dari tempat pembancuhan (<i>batching plant</i>).</p> <p>G Ujian penurunan konkrit (<i>concrete slump test</i>) perlu dijalankan sebelum setiap penghantaran dituang atau digunakan. Laporan kekuatan konkrit perlu dikemukakan sekiranya jumlah meter padu konkrit melebihi 50m³ oleh makmal ujian yang sah bagi setiap penghantaran (<i>batch</i>). Kegagalan menjalankan dan mengemukakan perkara diatas akan menyebabkan arahan membuka / memecah / meroboh kerja konkrit akan diberi. Tiada bayaran tambahan akan diberi atas kerja pembaikan semula kerja konkrit terlibat.</p>
	<p>BESI TETULANG KONKRIT (reinforcement bar)</p> <p>H Setiap tetulang bar hendaklah mematuhi syarat BS 785 dan tetulang 'fabric' mematuhi syarat MS 145. Dawai pengikat hendaklah dari dawai keluli lembut terseput lindap berdiameter 1.6mm dan mematuhi syarat BS 1052. Setiap tetulang perlu bersih daripada karat peroi, sisik besi, minyak, gris, cat, kotoran atau apa-apa yang boleh melemahkan ikatannya dengan konkrit. Setiap tetulang mesti dibengkok sejuk melalui tekanan perlahan dan mantap. Mana-mana tetulang yang retak atau rapuh perlu dikeluarkan dari tempat kerja. Harga yang dinyatakan adalah termasuk upah memotong, membengkok, memasang pada tempatnya dan pembaziran</p>
	<p>ACUAN KONKRIT (formwork)</p> <p>J Harga bagi kerja-kerja bekal dan pasang acuan konkrit adalah termasuk menyapu permukaan yang bersentuhan dengan konkrit dengan minyak atau bahan lain yang diluluskan, memotong, memotong serong, memotong bulat, memotong hujung yang rencong, menakuk, menupang, memasang bolt dan baji, melonggarkan, menanggalkan, membuang acuan, pembaziran dan lain-lain kerja yang berkaitan.</p>

BIL	HURAIAN
	<p>PENUTUP LONGKANG / 'SUMP' / 'CUT OFF DRAIN' (Drain cover)</p>
A	<p>Ukuran bagi semua jenis penutup longkang / 'sump' / 'cut off drain' yang dinyatakan adalah ukuran asas sahaja. Sekiranya terdapat ukuran yang berlainan, ukuran terhampir akan digunapakai sebagai rujukan semasa proses tuntutan pembayaran dibuat. Harga bagi semua jenis penutup longkang yang dinyatakan adalah termasuk upah membina (memotong, fabrikasi, pembaziran, penggunaan mesin, loji, jentera membersihkan karat, menyapu satu lapisan cat anti karat, satu lapisan cat asas dan satu lapisan cat akhir), kos menghantar dan upah memasang / meletak penutup ditempatnya.</p>
	<p>PERALATAN DAN KERJA TAMBAHAN PENUTUP LONGKANG / 'SUMP' / 'CUT OFF DRAIN'</p>
B	<p>Harga yang dinyatakan adalah termasuk upah memotong, memasang, memateri, membersihkan karat, menyapu satu lapisan cat anti karat, satu lapisan cat asas dan satu lapisan cat akhir. Harga ini tidak termasuk harga penyewaan jentera, loji dan peralatan.</p>
	<p>PERANGKAP SAMPAH (trash sreen)</p>
C	<p>Harga yang dinyatakan adalah termasuk upah merangka, memotong, mengimpal, pembaziran dan mengecat satu lapisan cat anti karat dan dua lapisan cat kemas. Harga ini tidak termasuk sewa pengangkutan, jentera, mesin dan loji yang perlu digunakan bagi tujuan pemasangan di tapak</p>
D	<p>Setiap penggunaan besi bagi kerja ini perlulah diisi didalam 'JADUAL PENGIRAAN PENGGUNAAN BESI'. Jadual ini perlu dilampirkan bersama 'BORANG TAKING OFF' bagi tujuan pengesahan Jabatan Ukur Bahan bagi setiap kerja perangkap sampah yang dibaiki / dibina.</p>
	<p>KERJA MENYALUT BESI (metal insulating)</p>
E	<p>Kerja ini perlu mendapat arahan secara bertulis terlebih dahulu.</p>
	<p>MENANAM RUMPUT</p>
F	<p>Kerja-kerja ini adalah termasuk membekal dan menanam rumput berukuran lebih kurang 300mm X 300mm dan dari kualiti dan tebal yang diluluskan. Rumput hendaklah disiram setiap hari sehingga ke peringkat yang memuaskan dan rumput yang mati dalam tempoh 3 bulan hendaklah diganti oleh kontraktor atas perbelanjaannya sendiri. Tiada penambahan harga bagi rumput yang perlu diganti.</p>
	<p>MENIMBUS TANAH</p>
G	<p>Kerja-kerja menimbus tanah adalah termasuk harga menggali, membawa, menghampar, merata dan memadatkan sebagaimana yang dikehendaki. Sekiranya tanah terpaksa dibawa masuk dari luar kawasan kerja, maka harga yang diguna pakai adalah dari item 'MEMBUANG TANAH'. Penggunaan mesin pemadat adalah dikira berasingan.</p>

BIL	HURAIAN
	<p>HADKOR</p> <p>A Kerja-kerja ini adalah termasuk membekal, membawa, menghampar, meratakan, menyiram, memadat, memampatkan dan lain-lain kerja berkaitan. Penggunaan mesin pemadat adalah dikira berasingan.</p>
	<p>KERJA MENGECAT</p> <p>B Cat yang digunakan adalah dari jenis '<i>high emulsion glosed paint</i>'. Warna dan jenama cat perlu dirujuk kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya terlebih dahulu.</p>
	<p>MEMOTONG POKOK</p> <p>C Kerja-kerja memotong pokok adalah mengikut ukuran ukurlilit pokok yang diukur 900mm dari paras tanah. Kerja ini adalah termasuk memotong dahan serta melupus kayu-kayan. Harga yang dinyatakan adalah tidak termasuk membawa keluar sisa pokok dari tapak ke tempat pembuangan yang diluluskan.</p>
	<p>TAMBAHAN KEPADA MEMOTONG POKOK</p> <p>D Jika didapati batang, akar dan umbi pokok perlu dicabut dan digali serta lubang perlu ditimbus dengan tanah atau hadkor, kadar harga tambahannya adalah seperti berikut:</p>